

Headline	Tugasan jauh di tengah hutan bukan halangan		
MediaTitle	Berita Minggu	Language	Malay
Date	16 Oct 2016	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	9
Section	Nasional	Journalist	Fahmy Azril Rosli
ArticleSize	838 cm ²		
PR Value	RM 86,328		



Pekerja TNB melakukan penyelenggaraan pembumian utama talian di Felda Sungai Tengi, Kuala Kubu Bharu.

Tugasan jauh di tengah hutan bukan halangan



Pekerja mula memasang penebat kilat di Felda Sungai Tengi.

► Pekerja TNB tidak gentar pastikan bekalan berterusan

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

■ Hulu Selangor

Ketika ramai berehat di rumah atau di tempat kerja berhawa dingin, sekumpulan pekerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) bertungkus lumus, sesetengah mereka berada jauh dalam

hutan dan ada kala berdepan ancaman cuaca tidak menentu bagi memastikan bekalan elektrik tidak terganggu.

Sepanjang syif tugasan, mereka sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga, bersedia 24 jam bagi memastikan bekalan elektrik supaya dalam keadaan terkawal, memikul amanah yang besar untuk negara. Mereka tidak menganggap tugasan itu sekadar pekerjaan, sebaliknya menerimanya sebagai amanah berat.

Bagi yang kurang peka dan kurang melakukan kerja pemasangan, penyenggaraan dan pembaikan di kawasan hutan berhampiran Felda Soeharto, Kalumpang, dekat sini, pernah menempuh pelbagai pengalaman dan cabaran, ada yang mengancam nyawa sepanjang kerjaya masing-masing, namun tidak sesekali mengeluh menggalas amanah.

maklum balas.

Mungkin ramai masih tidak tahu, tugasan membaik pulih gangguan bekalan perlu dilaksanakan mengikut SOP yang ditetapkan, terutama ketika hujan bagi mengelak risiko terkena renjata atau panahan petriketika melakukan kerja di pencawangan atau tiang elektrik.

Antara cabaran terbesar lain yang selalu dihadapi ialah menjalankan kerja pembaikan di kawasan pedalamam, terutama dalam hutan yang memerlukan mereka mempelajari sendiri selok-belok atau kemahiran tambahan supaya tidak ditimpah kejadian tidak diingini.

Pelbagai pengalaman

BH berpeluang melihat sendiri kegigihan tiga pekerja TNB, Juruteknik Khas di Bahagian Pembahagian TNB Selangor, Johari Ishak, 52; Tukang Tingkatan Kanan, Muruges Murusamy, 57, dan Mohd Ramzi Ismail, 38, bagi tugasan penutupan dan pembaikan aliran arus elektrik 33 kilovolt (kV) untuk kerja pembaikan.

Mereka yang ditemui ketika melakukan kerja pemasangan, penyenggaraan dan pembaikan di kawasan hutan berhampiran Felda Soeharto, Kalumpang, dekat sini, pernah menempuh pelbagai pengalaman dan cabaran, ada yang mengancam nyawa sepanjang kerjaya masing-masing, namun tidak sesekali mengeluh menggalas amanah.



Mohd Ramzi Ismail



Muruges Murusamy

→ UTILITI

Cabaran daki bukit, pikul beban

Hulu Selangor: "Ada satu kejadian 'shutdown' jauh di ceruk hutan ketika bulan puasa. Walaupun dahaga, lapar dan lelah, tugasan mesti diselesaikan kerana kami terikat dengan amanah dan tanggungjawab untuk rakyat," kata Johari Ishak, 52.

Mengimbau satu kes gangguan elektrik dikendalikannya pada 1990-an, Johari yang berkhidmat dengan TNB hampir 33 tahun, berkata beliau dan rakan setugas terpaksa berjalan dan mendaki lereng bukit lebih dua kilometer sambil memikul peralatan berat selama sejam kerana kawasan di tutup tidak boleh diakses kenderaan.

"Memang memenatkan kerana pada bulan puasa, namun kami memegang amanah dan tanggungjawab menyediakan bekalan elektrik berterusan kepada rakyat," katanya sambil menambah, cabaran terbesar adalah mencari tiang atau menara voltan tinggi di kawasan terpencil yang lauaninya sempit, licin dan berbukit.

Kenderaan terkandas

Bagi Muruges Murusamy, 57, kenderaan pacuan empat roda dinainya pernah terkandas akibat jalan tanah merah beacak di ladang sawit ketika mahu ke lokasi pembaikan pada waktu hujan, sekali gus mengambil masa lebih lama untuk sampai ke lokasi.

"Kenderaan tersangkul dalam lubang adalah lumrah buat kami. Itu sebabnya, kami wajar mempelajari teknik pengendalian kenderaan dengan betul yang dapat dijadikan bekalan apabila memandu di kawasan tanah tidak berturap," katanya.

Mohd Ramzi Ismail, 38, yang bertugas sebagai Orang Berkebenaran (AP) menjalankan kerja-kerja penyusian dan mula tugas bekalan elektrik, berkata tugasnya memerlukan kestabilan tinggi kerana sering menghadapi ancaman haiwan, selain kerena rambatan masyarakat.

"Saya pernah dimarahi pemilik ladang yang tidak membenarkan kami melalui kawasannya untuk ke lokasi pembaikan. Itu antara cabaran terpaksa dihadapi kerana banyak tiang atau pencawangan elektrik ada di ladang dan kawasan persendirian," kata bapa tiga anak ini.



Memang memenatkan kerana pada bulan puasa, namun kami memegang amanah dan tanggungjawab menyediakan bekalan elektrik berterusan kepada rakyat"

Johari Ishak,
Juruteknik Khas TNB

Saya pernah dimarahi pemilik ladang yang tidak membenarkan kami melalui kawasannya untuk ke lokasi pembaikan"

Mohd Ramzi Ismail,
Orang Berkebenaran (AP)
menjalankan kerja-kerja penyusian dan mula tugas bekalan elektrik